

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

AOP403 - PEMBANGUNAN USAHAWAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bincangkan peranan-peranan yang dimainkan oleh salah satu organisasi sokongan berikut:
 - (a) Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang.
 - (b) Bahagian Penyelarasan dan Penyertaan Bumiputra.
 - (c) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang.
 - (d) Perbadanan Produktiviti Negara.
 - (e) Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC).
 - (f) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
 - (g) Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai.
 - (h) Penang Development Corporation (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang).
 - (i) Bank Pembangunan Malaysia Berhad.
 - (j) Pernas Edar Sdn. Bhd.
 - (k) Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.
 - (l) Majlis Amanah Rakyat.

[25 markah]

2. Kenapakah penyelidikan pemasaran penting dalam proses pembentukan sesebuah perniagaan kecil? Bincangkan langkah-langkah yang patut diambil dan huraikannya kepada pengusaha kecil.

[25 markah]

...2/-

3. Apakah aspek-aspek pengurusan sumber manusia yang patut ditinjau semasa membentuk sebarang perniagaan baru? Bincangkan langkah-langkah tersebut dengan membuat rujukan kepada matlamat penubuhan dan anggaran keuntungan.

[25 markah]

4. "Di kalangan sarjana atau penyumbang ilmu keusahawanan, masih belum terdapat kata sepakat mengenai definisi keusahawanan". Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada definisi yang diutarakan oleh sarjana-sarjana ekonomi, sosiologi dan psikologi.

[25 markah]

5. Bincangkan nilai-nilai atau ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang untuk menjadikan ia sebagai usahawan berjaya.

[25 markah]

6. Senaraikan dan bezakan bentuk-bentuk perniagaan yang ada di Malaysia. Terangkan apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menubuhkan sebuah syarikat Sdn. Bhd.

[25 markah]

---ooo000ooo---

